



UniMAP HOLDINGS Dan YAYASAN UBUDIYAH INDONESIA Jalin Kerjasama Strategik

UniMAP Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dan Yayasan Ubudiyah Indonesia (YUI) memeterai kerjasama strategik khususnya dalam aspek pembangunan latihan dan kerjaya selain turut merangkumi kerjasama dalam aspek pendidikan dan penyelidikan. Pada majlis tersebut, UHSB diwakili oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UHSB manakala YUI diwakili oleh Ketuanya, Dedi Zefrizal ST. Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, berkenan berangkat hadir menyaksikan majlis MoU tersebut. Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah UHSB, Datuk Wira Salleh Haji Din dan Rektor UUI, Marniati M. Kes. MoU tersebut diadakan bersempena Program Kembara Ilmu Di Bumi Aceh yang disertai oleh semua Pengurusan Tertinggi , Dekan serta Ketua Jabatan UniMAP. Terdahulu, Datuk Kamarudin turut membentangkan Pelan Strategik UniMAP untuk tempoh lima tahun mulai 2016 hingga 2020.